

21/09/2002

Kemudahan di sekolah rendah dipertingkat

IPOH, Jumaat - Kementerian Pendidikan akan menggunakan peruntukan dalam Bajet 2003 bagi menyediakan pelbagai kemudahan di sekolah rendah dalam usaha memastikan murid dapat menghayati pelajaran dengan berkesan.

Timbalan Menteri, Datuk Abdul Aziz Samsuddin, berkata usaha itu termasuk menyediakan alat pandang dengar, melengkapkan sekolah dengan komputer serta peralatan lain sejajar perkembangan pembelajaran semasa termasuk penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Mungkin alat pandang dengar yang lebih efektif akan disediakan. Kita juga sedar perkomputeran, penggunaan Internet serta pelajaran berasaskan ICT kini agak meluas digunakan yang memerlukan perbelanjaan besar.

"Kita bersyukur sehingga kini kita mampu membiaya kehendak pendidikan negara," katanya di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2003 berkata, kerajaan memperuntukkan RM14,294 juta bagi pendidikan rendah dan menengah manakala RM8,685 juta bagi pendidikan tinggi.

Kerajaan juga menyediakan peruntukan hampir RM5 bilion bagi tempoh 2002 hingga 2008 untuk melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah.

Dr Mahathir juga mencadangkan penubuhan Tabung Simpanan Pendidikan dengan dana permulaan RM1 bilion bagi membiayai pendidikan tinggi generasi muda.

Abdul Aziz berkata, kementerian sedar peralatan seperti projektor agak mahal tetapi kemudahan itu perlu disediakan bagi mengelak pelajar ketinggalan dengan perkembangan semasa.

Di KUALA LUMPUR, Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) merangkap Pengerusi Biro Pendudukan dan Integrasi Nasional, Shamsul Anuar Nasarah dalam satu kenyataan berkata penubuhan Tabung Simpanan Pendidikan menunjukkan keprihatinan kerajaan bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah melanjutkan pelajaran.

"Cadangan semua sekolah dilengkapi makmal komputer serta pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dapat menyediakan pelajar berkualiti yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa," katanya.

Pada masa sama cadangan pemberian baucar kelas tambahan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah akan membantu mereka mendapat pendidikan tambahan lebih baik.

MBM, katanya, berharap pelaksanaan semua cadangan kerajaan dilakukan dengan sempurna oleh semua agensi pelaksana.

Di KUCHING, Presiden Kesatuan Guru Sarawak (STU), William Ghani Bina, mengalu-alukan langkah kerajaan menyediakan kemudahan Internet kepada 250 sekolah rendah di negeri ini dan Sabah.

Beliau berkata, kemudahan itu diharap merapatkan jurang digital sekarang.

"Pelajar sekolah rendah khususnya di luar bandar kini amat jauh ketinggalan dalam kemudahan teknologi maklumat berbanding pelajar di bandar.

"Dengan kemudahan Internet diharap memberi pendedahan kepada pelajar terbabit mengenai teknologi maklumat," katanya.